

Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful mySmart Invest. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

### 1. Apakah ciri-ciri pelan ini?

Pelan ini adalah pelan takaful berkaitan-pelaburan yang menawarkan gabungan perlindungan takaful dan pelaburan yang membayar sekaligus manfaat kematian atau Keilatan Menyeluruh dan Kekal ("KMK"). Pelan ini matang pada umur [maturity\_age] tahun hari lahir akan datang.

Nilai pelan takaful berkaitan-pelaburan bergantung pada harga unit dasar, yang seterusnya bergantung pada prestasi dana pilihan anda.

### 2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Pelan ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- a. **Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah pelan ini, peserta menderma suatu amaun daripada Dana berkaitan-Pelaburan ("ILF(s)") ke dalam Dana Risiko berkaitan-Pelaburan ("Dana Risiko") untuk membantu peserta-peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta mencarum ke dalam Dana Risiko.
- b. **Wakalah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah pelan ini, peserta memberi kuasa kepada Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia" atau "Kami") untuk menguruskan Sijil ini dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah. Di samping itu, peserta membenarkan Takaful Malaysia menerima Caj Pengurusan Dana untuk menguruskan Dana Berkaitan Pelaburan ("ILF(s)").
- c. **Ju'alah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang telah berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah pelan ini, peserta membenarkan Takaful Malaysia untuk menerima lebihan yang boleh diagihkan Dana Risiko sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan Dana Risiko yang menghasilkan keuntungan.
- d. **Qard** merujuk kepada pinjaman yang dipulangkan pada akhir tempoh yang dipersetujui tanpa sebarang faedah. Di bawah pelan ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam Dana Risiko tanpa faedah sekiranya Dana Risiko mengalami defisit untuk membayar tuntutan.
- e. **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan. Di bawah pelan ini, manfaat yang perlu dibayar daripada Dana Risiko adalah berdasarkan Hibah. Penama boleh menerima pembayaran manfaat sekiranya penama adalah benefisiari di bawah Hibah bersyarat.

### 3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

No.	Manfaat	Pembayaran Manfaat
1.	Manfaat Kematian	<p>Apabila berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi, yang lebih tinggi daripada yang berikut akan dibayar:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. RM[sum_covered]; atau</li> <li>a. [Sum Covered Multiplier]% daripada jumlah caruman dibayar; atau</li> <li>b. Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian seterusnya sejurus selepas tarikh pemberitahuan kematian.</li> </ol> <p>Walaupun bagaimanapun, sekiranya sijil dikeluarkan di bawah Tawaran Perlindungan Dijamin ("GIO") dan orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh kematian akibat semula jadi dalam tempoh dua (2) tahun pertama, manfaat kematian yang akan dibayar adalah terhad kepada yang tertinggi di antara jumlah berikut:</p>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Jumlah Caruman Dibayar; atau</li> <li>b. Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian seterusnya sejurus selepas tarikh pemberitahuan kematian.</li> </ul>
2.	Manfaat KMK	<p>Apabila orang yang dilindungi mengalami KMK sebelum umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir akan datang, yang lebih tinggi daripada yang berikut akan dibayar:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. RM[sum_covered]; atau</li> <li>a. [Sum Covered Multiplier]% daripada jumlah caruman dibayar; atau</li> <li>b. Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian seterusnya sejurus selepas tarikh kelulusan KMK.</li> </ul> <p>Walaupun bagaimanapun, sekiranya sijil dikeluarkan di bawah G/O dan apabila orang yang dilindungi mengalami KMK akibat semula jadi dalam tempoh dua (2) tahun pertama, manfaat KMK yang akan dibayar adalah terhadap kepada yang tertinggi di antara jumlah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Jumlah Caruman Dibayar; atau</li> <li>b. Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian seterusnya sejurus selepas tarikh kelulusan KMK.</li> </ul>
3.	Manfaat Kematangan	Apabila sijil matang, Nilai Akaun akan dibayar.

**Nota:**

- a. Nilai Akaun merujuk kepada sebarang baki di dalam *ILF(s)*.
- b. Lien kanak-kanak dikenakan untuk orang yang dilindungi berumur kurang daripada lima (5) tahun hari lahir akan datang.
- c. Sila rujuk Ilustrasi Pemasaran untuk butiran jumlah perlindungan dan tempoh perlindungan anda di bawah pelan ini.
- d. Perlindungan anda akan berubah apabila tambahan caruman tunggal atau pengeluaran sebahagian dilakukan.
- e. Sekiranya kematian orang yang dilindungi disebabkan oleh bunuh diri, Kami akan mengembalikan Nilai Akaun.

Caruman yang diperuntukkan akan dilaburkan ke dalam Dana berkaitan-Pelaburan:

Dana Berkaitan-Pelaburan						
myBalanced Fund	myBlue Chips Fund	myDividend Fund	myEquity Index Fund	myGrowth Fund	myGlobal Sustainability Fund	myGlobal Sukuk Fund
[fund%]	[fund%]	[fund%]	[fund%]	[fund%]	[fund%]	[fund%]

**Peringatan:**

Sila baca dokumen pemasaran yang berkaitan seperti Ilustrasi Pemasaran dan Helaian Fakta Dana yang merangkumi manfaat produk dan objektif dana berkaitan-pelaburan. Adalah penting untuk memilih dana berkaitan-pelaburan atau gabungan dana berkaitan-pelaburan yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

**4. Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?**

- a. Jumlah caruman tunggal di bawah pelan ini adalah RM [contribution].

**Nota:**

Sembilan puluh lima peratus (95%) daripada caruman akan diperuntukkan untuk membeli unit di dalam dana berkaitan-pelaburan yang dipilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan akan digunakan sebagai yuran wakalah, termasuk komisen dan perbelanjaan pengurusan Kami.

**5. Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?**

- a. Yuran Wakalah ditolak terlebih dahulu daripada jumlah caruman atau tambahan caruman tunggal untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan Kami dan jumlah kos pengagihan (iaitu komisen). Sila rujuk butiran yuran Wakalah dan komisen di bawah.

Yuran Wakalah: Lima peratus (5%) daripada caruman tunggal berjumlah RM  $[5\% \times [\text{contribution}]]$ .

Komisen: Tiga persepuluh tujuh lima peratus (3.75%) daripada caruman tunggal berjumlah RM  $[3.75\% \times [\text{contribution}]]$ .

Tahun Sijil	1	2
Caruman Dibayar (RM)	[contribution]	[contribution]
Yuran Wakalah (%)	[wakalah fee %]	[wakalah fee %]
Yuran Wakalah (RM)	[wakalah fee]	[wakalah fee]
Komisen (%)	[commission %]	[commission %]
Komisen (RM)	[commission]	[commission]

- b. Tabarru' akan ditolak setiap bulan daripada *ILF(s)* kepada Dana Risiko. Tabarru' adalah berbeza bergantung pada Jumlah Perlindungan Bersih, umur dicapai dan jantina orang yang dilindungi. Walau bagaimanapun, kadar Tabarru' tidak dijamin.
- c. Caj Pengurusan Dana, antara satu peratus (1.0%) hingga satu persepuluh lima peratus (1.5%) daripada Nilai Aset Bersih ("*NAV*") setahun, adalah untuk menampung kos pentadbiran pelaburan dan pengurusan *ILF(s)*. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Fakta Dana untuk Caj Pengurusan Dana ke atas dana berkaitan-pelaburan pilihan anda.
- d. Satu peratus (1.0%) daripada nilai pengeluaran / serahan akan dicaj sekiranya pengeluaran sebahagian / serahan dilakukan di dalam tempoh dua (2) ulang tahun pertama.

**Nota:**

Sila rujuk Ilustrasi Pemasaran untuk butiran caj tersebut di bawah pelan ini.

**6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?**

- a. **Tanggungjawab Pendedahan** - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 dari Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila anda memohon untuk pelan ini. Kegagalan berbuat demikian mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang disediakan tidak tepat atau sudah berubah. Tambahan kepada menjawab persoalan di dalam borang cadangan (atau apabila anda memohon pelan ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu yang berkenaan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan diguna pakai.
- b. **Tempoh Penelitian Percuma** - Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda meneliti dan membuat keputusan sama ada anda mahu meneruskan pelan ini. Jika anda tidak mahu meneruskan pelan ini, anda boleh membatalkan sijil dan mendapatkan bayaran balik iaitu bersamaan dengan jumlah:

- yuran wakalah;
  - nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya selepas permintaan pembatalan tersebut telah diluluskan oleh Kami; dan
  - nilai unit yang telah ditolak untuk sebarang Tabarru';
- tolak sebarang perbelanjaan yang telah ditanggung untuk pemeriksaan kesihatan orang yang dilindungi.
- c. **Nilai Akaun** - Ia adalah nilai *ILF(s)* yang tidak dijamin dan akan berdasarkan prestasi dana sebenar. Semakin tinggi tahap perlindungan takaful yang dipilih, semakin banyak unit akan diserap untuk membayar penolakan Tabarru' dan semakin sedikit unit akan kekal untuk dikumpul di dalam Nilai Akaun di bawah sijil anda. Risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh anda.
  - d. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Fakta Dana bagi dana berkaitan-pelaburan yang telah anda pilih untuk strategi pelaburan dan jenis pelaburan aset.
  - e. **Luput** – Sekiranya pada ulang tahun bulanan *ILF(s)* tidak mencukupi untuk menolak jumlah bulanan Tabarru', baki jumlah *ILF(s)* sedia ada masih akan ditolak dan sijil anda akan tetap diteruskan untuk tempoh yang ditentukan secara pro-rata ditambah dengan tempoh tangguh tiga puluh (30) hari. Sijil anda seterusnya akan luput dan perlindungan orang yang dilindungi akan ditamatkan.
  - f. **Keadaan Sedia Ada** – Pelan ini tidak melindungi sebarang keilatan, kecederaan, wabak atau penyakit (fizikal atau mental) yang anda atau orang yang dilindungi mempunyai pengetahuan munasabah sebelum tarikh kuat kuasa risiko:
    - i. yang wujud atau telah mengalami gejala;
    - ii. di mana wujudnya manifestasi penyakit yang anda atau orang yang dilindungi sedar atau sepatutnya sedar;
    - iii. berdasarkan perkembangan patologi penyakit yang diterima secara perubatan, penyakit tersebut telah wujud; atau
    - iv. di mana orang yang dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan, diagnosis, perundingan atau ubat-ubatan yang ditetapkan.
  - g. Seratus peratus (100%) lebihan yang boleh diagihkan akan disumbangkan kepada organisasi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("*ESG*") dan kebajikan yang ditetapkan oleh Takaful Malaysia.
  - h. Anda harus mencalonkan penama dan memastikan bahawa penama anda mengetahui mengenai penyertaan anda dalam pelan ini. Ini hanya terpakai jika peserta dan orang yang dilindungi adalah orang yang sama.
  - i. Sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan, anda harus memberitahu Kami dengan segera. Anda boleh merujuk kepada prosedur tuntutan dalam sijil anda.
  - j. Terma sijil adalah berbeza mengikut keperluan pengunderaitan Kami.

**Nota:**

Senarai di atas tidak lengkap. Sila rujuk sijil anda untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.

**7. Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?**

Pelan ini tidak melindungi perkara berikut:

**Manfaat Kematian**

- a. Kematian akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kuat kuasa risiko.

**Manfaat KMK**

- a. KMK yang telah wujud sebelum atau pada tarikh kuat kuasa risiko;
- b. KMK secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau disebabkan oleh mana-mana keadaan sedia ada di mana:
  - i. Anda atau orang yang dilindungi mempunyai pengetahuan munasabah mengenai keadaan sedia ada tersebut dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari sebelum tarikh kuat kuasa risiko; dan
  - ii. KMK berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama dari tarikh kuat kuasa risiko.

; atau

- c. KMK yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana sebab berikut:
- cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
  - penerbangan, peluncuran atau sebarang jenis penerbangan di udara selain juruterbang, anak kapal atau penumpang yang membayar tambang kepada syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
  - peperangan (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), revolusi atau sebarang operasi berunsur peperangan;
  - sebarang pelanggaran undang-undang atau sebarang aktiviti jenayah atau keganasan yang dilakukan, cuba dilakukan atau diprovokasi oleh orang yang dilindungi;
  - semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda; atau
  - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (*AIDS*), jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (*HIV*) atau keadaan yang berkaitan.

#### **8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?**

Anda boleh meminta untuk membatalkan sijil anda dalam tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalendar. Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalendar, sebarang baki dalam *ILF(s)* akan dibayar. Amaun serahan yang perlu dibayar adalah sama dengan Nilai Akaun, selepas penolakan caj serahan dan caj lain, berdasarkan harga unit pada tarikh kelulusan di mana boleh berkurang daripada jumlah caruman yang anda telah bayar.

Sekiranya anda mendapati dana berkaitan-pelaburan yang anda telah pilih tidak lagi sesuai, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana. Tiada caj pertukaran dana diguna pakai.

#### **9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?**

Adalah penting untuk anda kemaskini di dalam *myTakaful* Customer Portal atau memaklumkan kepada Takaful Malaysia sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

#### **10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan takaful berkaitan-pelaburan, sila hubungi Takaful Malaysia di:

##### **Unit Khidmat Pelanggan (UKP)**

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]

Tingkat 27, Blok Annex,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur.

Tel: 1300 88 252 385

E-mel: [csu@takaful-Malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-Malaysia.com.my)

#### **11. Lain-lain jenis perlindungan takaful keluarga yang disediakan.**

Sila ajukan pertanyaan kepada wakil jualan Kami untuk lain-lain jenis pelan serupa yang ditawarkan oleh Takaful Malaysia.

**NOTIS PENTING:**

INI ADALAH PRODUK TAKAFUL YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET DASAR, DAN BUKANLAH PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA MESTILAH MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH MEMENUHI KEHENDAK RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU UNTUK MEMBAYAR CARUMAN SEPANJANG TEMPOH SIJIL. UNTUK MENINGKATKAN NILAI DANA BERKAITAN-PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA BOLEH MEMILIH UNTUK MELAKUKAN TAMBAHAN CARUMAN TUNGGAL. PULANGAN DANA BERKAITAN-PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) UNTUK MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("[TIPS](#)") PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI [WWW.PIDM.GOV.MY](http://WWW.PIDM.GOV.MY)).

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan ini adalah berkuat kuasa pada [MM/YYYY].